



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 697

AKTA FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009

Sebagaimana pada 1 September 2019

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2019

**AKTA FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN
KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009**

Tarikh Perkenan Diraja 18 April 2009

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 30 April 2009

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 697****AKTA FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN
KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pengesahan dan tanggung rugi

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 697

AKTA FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009

Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan bagi pemerakuan kemahiran pekerja asing oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan semasa tempoh dari 25 Januari 2006 hingga 8 Mac 2007.

[1 Mei 2009]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009.

Pengesahan dan tanggung rugi

2. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Fi 1951 [*Akta 209*], fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan bagi pemerakuan kemahiran pekerja asing semasa tempoh dari 25 Januari 2006 hingga 8 Mac 2007, iaitu hari sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah Fi (Perkhidmatan Perakuan Kemahiran Pekerja Asing) (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) 2007 [*P.U. (A) 99/2007*], hendaklah disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya atau mana-mana daripada antara mereka berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang sedemikian telah dibawa, dimulakan atau disenggarakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungut seperti yang dinyatakan dalam Akta ini boleh dibuat.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 697****AKTA FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN
KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

— TIADA —

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 697

**AKTA FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN
KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	— TIADA —	
